



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



PEMAHAMAN GURU TERHADAP PENDEKATAN HEUTAGOGI
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: KAJIAN KES
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
MENENGAH

*TEACHERS' UNDERSTANDING OF THE HEUTAGOGIC APPROACH TO
TEACHING AND LEARNING: A SECONDARY SCHOOL CASE STUDY
TEACHERS OF ISLAMIC EDUCATION*

Noor Muslieah Mustafa Kamal¹, Zaharah Hussin^{2*}, Abdul Muhsien Sulaiman³

¹ Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia
Email: muslieahmustafa@gmail.com

² Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia
Email: zaharah@um.edu.my

³ Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia
Email: muhsin.sulaiman@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 25.06.2022

Published date: 30.06.2022

To cite this document:

Kamal, N. M. M., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2022). Pemahaman Guru Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Kajian Kes Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 694-706.

DOI: 10.35631/IJEPC.746053

Abstrak:

Dunia pendidikan berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia untuk melahirkan sumber intelek seiring dengan pertumbuhan ekonomi global. Kualiti pengajaran guru perlu dipertingkatkan agar murid dapat menikmati pembelajaran yang lebih bermakna. Sehubungan dengan itu, pembelajaran sendiri seperti heutagogi perlu diketengahkan dalam pengajaran guru sebagai salah satu usaha untuk memperkasa keupayaan murid menghadapi era pendidikan abad ke-21. Keperluan PdPR dalam situasi endemik Covid 19 juga menggesa pendekatan heutagogi diamalkan di sekolah bagi meningkatkan autonomi murid dalam pembelajaran. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka pemahaman guru Pendidikan Islam sekolah menengah terhadap pendekatan heutagogi sebagai pembelajaran sendiri dalam pengajaran Pendidikan Islam. Pengenalan pendekatan heutagogi akan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran agar matlamat utama kemenjadian murid dapat dicapai dengan sebaik mungkin. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Data temu bual ditranskripsi, dianalisis secara bertema dan ditriangulasikan dengan pemeriksaan dokumen. Dapatan kajian mengenai pemahaman guru terhadap pendekatan heutagogi membentuk lima tema iaitu

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

sikap sendiri, pemusatan terhadap murid, guru sebagai pembimbing, penggunaan teknologi dan selari dengan tuntutan agama.

Kata Kunci:

Heutagogi, Guru Pendidikan Islam, Pengajaran Dan Pembelajaran, Covid 19

Abstract:

The world of education is inextricably linked to the development of human resources in order to generate intellectual resources in tandem with global economic growth. Teachers' teaching quality must be improved so that students can benefit from more meaningful learning. In this regard, self-learning, such as heutagogy, should be highlighted in teachers' teaching as one of the efforts to empower students' ability to face the educational era of the twenty-first century. The requirements of PdPR in the endemic situation of Covid 19 also necessitate the use of a heutagogic approach in schools in order to increase student autonomy in learning. As a result, this study was carried out to investigate secondary school Islamic Education teachers' attitudes toward the heutagogic approach as self-learning in the teaching of Islamic Education. The implementation of the heutagogic approach will improve the teaching and learning process, allowing the main goal of student development to be met to the greatest extent possible. This is a case study with a qualitative approach that includes semi-structured interviews and document analysis. Data from interviews were transcribed, thematically analysed, and triangulated through document inspection. The study's findings on teachers' understanding of the heutagogic approach are organised into five themes: self-reliance, student focus, teachers as guides, technology use, and religious demands.

Keywords:

Heutagogy, Islamic Education Teachers', Teaching And Learning, Covid 19

Pengenalan

Secara dasarnya, anjakan paradigma dalam bidang pendidikan yang dimanifestasikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bertujuan untuk menambah baik sistem pendidikan negara. Usaha menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan semua murid menerima pendidikan yang berkualiti tanpa mengira kedudukan geografi, gender atau latar belakang juga penting untuk melonjakkan pencapaian dan penguasaan kemahiran abad ke- 21. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal bertujuan meningkatkan keberhasilan murid dalam proses pengajaran. Keberhasilan murid yang berkualiti akan dapat dicapai apabila mereka mempunyai pengetahuan, mengamalkan etika dan kerohanian, menghayati identiti nasional serta menguasai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan kemahiran dwibahasa (KPM, 2013).

Persaingan dalam era globalisasi yang semakin kompleks memerlukan guru yang memiliki kemahiran pedagogi bersifat holistik dengan meneroka pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim, 2019). Dalam sistem pendidikan moden, murid dijangka memiliki tahap autonomi yang lebih tinggi dan menunjukkan inisiatif dalam proses pembelajaran, memeriksa bahan pembelajaran dan memahami kandungan. Banyak pendekatan baru yang diperkenalkan dalam dunia pendidikan

seiring dengan perubahan gaya murid mencari ilmu. Murid inginkan kebebasan dalam meneroka ilmu serta mempunyai keinginan sendiri untuk menentukan corak pembelajaran yang sesuai dengan jiwa dan kehendak mereka. Sehubungan dengan itu, KPM menggalakkan pembelajaran sendiri sebagai salah satu strategi pengajaran berpusatkan murid dengan mengikut kebolehan dan keupayaan mereka sendiri (KPM, 2002). Dengan cara ini, murid akan dapat merasai pengalaman belajar disamping mengetahui tentang proses dan sumber pelajaran itu sendiri (KPM, 2013; Blaschke et al., 2014 & Fisk, 2017). Malah, Ibnu Khaldun juga menegaskan bahawa proses pembelajaran melalui pengalaman merupakan salah satu kaedah untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran murid (Ibnu Khaldun, 2002).

Tinjauan Literatur

Pendekatan heutagogi merupakan salah satu strategi pembelajaran sendiri yang terdapat di Malaysia. Heutagogi merujuk kepada pembelajaran penentuan sendiri yang diasaskan oleh Hase dan Kenyon (2000). Heutagogi merupakan satu pendekatan pengajaran yang mengiktiraf pengalaman, pengetahuan, keinginan dan kreativiti murid untuk menentukan corak pembelajaran yang bersesuaian dengan mereka. Heutagogi mendatangkan satu kelainan dalam corak pengajaran kerana teknik pengajaran lama secara linear menyebabkan modal insan yang dilahirkan tidak mampu bersaing di peringkat yang lebih luas di alam pekerjaan. Bahkan, heutagogi ini selari dengan prinsip pembelajaran sendiri yang dicirikan dalam kurikulum kebangsaan yang menekankan pendekatan berpusatkan murid (KPM, 2013). Malahan, prinsip asas heutagogi juga sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam yang menumpu kepada perkembangan potensi murid melalui proses pendidikan dan bimbingan yang berterusan (Ibnu Khaldun, 2002).

Melalui pendekatan heutagogi, murid mempunyai masa yang lebih untuk meneroka ilmu dan mereka akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut. Konsep heutagogi yang meletakkan murid sebagai fokus utama menjadikan murid mempunyai keyakinan diri, bebas dan lebih seronok untuk meneroka ilmu. Kebebasan yang diberikan untuk murid menentukan teknik dan kandungan yang ingin dipelajari dapat memupuk motivasi intrinsik seterusnya meningkatkan tahap efikasi sendiri murid (Moore, 2020). Hase dan Kenyon (2013) menyatakan, persekitaran pengajaran dan pembelajaran secara heutagogi boleh dilaksanakan apabila a) murid dilibatkan bersama dalam mereka bentuk isi dan proses pembelajaran, b) penilaian pembelajaran yang fleksibel, c) pembelajaran yang aktif dan kolaboratif, d) menggalakkan penerokaan dengan pelbagai sumber pelajaran dan e) mengurangkan kawalan semasa sesi pembelajaran.

Oleh yang demikian, murid perlu dilatih berdikari dengan memberi kepercayaan dan keyakinan kepada mereka untuk mengurus pembelajaran. Hal ini boleh dilakukan dengan memberi kelonggaran dari segi kawalan perlu diberikan oleh guru semasa tugas atau aktiviti dijalankan yang membolehkan murid mengambil alih pengurusan pembelajaran (Coomey & Stephenson, 2001). Selain itu, peranan guru juga akan berperanan sebagai pembimbing untuk mengawal aktiviti dan corak pembelajaran yang ditentukan oleh murid. KPM menegaskan tugas guru sebagai pemudah cara dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran meliputi enam aspek iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai bagi membentuk murid sebagai pembelajar yang aktif. Levy-Feldman (2018) pula menekankan seorang pemudah cara mestilah mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang diceburinya. Perkara ini perlu supaya mereka dapat mengarahkan murid ke arah sumber pelajaran dan aktiviti pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan matlamat kurikulum. Pendekatan heutagogi memberi peluang kepada guru mewujudkan hubungan secara langsung

dengan murid di samping membimbing mereka mencapai sesuatu matlamat pengajaran. Guru akan memperoleh banyak ilmu baru dengan cara meneroka pendekatan baru pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid (Blaschke & Hase, 2019).

Dalam konteks negara Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek teras yang wajib diambil oleh murid yang beragama Islam. Pendidikan Islam memerlukan PdP yang menekankan kepada pengetahuan, amalan dan penghayatan. Hal ini bermakna ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh murid hendaklah dizahirkan dalam bentuk amalan dan dihayati secara berterusan (BPK, 2017). Lantaran itu, pengajaran guru Pendidikan Islam juga mestilah bercirikan pendidikan abad ke-21 dengan memperkasa kurikulum yang dimulakan di peringkat sekolah menengah sebagai persediaan mereka menceburkan diri dalam pasaran kerja (Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan & Ahmad Marzuki Mohamad, 2019; Wan Mariana Wan Mohamad & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Justeru, kebijaksanaan guru semasa mengendalikan PdP dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran amat diperlukan dalam bilik darjah sebagai platform utama untuk mencapai keberhasilan murid yang optima. Oleh yang demikian, heutagogi yang disifatkan sebagai salah satu kaedah pengajaran abad ke-21 (Hase & Kenyon, 2013; Blaschke, 2016) wajar diketengahkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kerana pengajaran GPI tidak banyak berubah dari segi kualiti walaupun pelbagai teknik diperkenalkan (Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah, 2020).

Namun begitu, pemahaman pelaksanaan heutagogi di peringkat sekolah menengah masih samar dalam kalangan guru (Chan, Mohamad Amin Embi & Harwati Hashim, 2019). Malah, isu pemahaman terhadap heutagogi tidak disentuh secara meluas sedangkan kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa guru sudah menampilkan ciri-ciri heutagogi dalam pengajaran mereka (Chan et al., 2019; Akyıldız, 2019; Wong et al., 2019 & Preece & Hamed, 2020). Menurut Chan et al. (2019), kajian berkaitan pemahaman diperlukan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pendekatan heutagogi di sekolah. Pemahaman yang sebenar mengenai heutagogi membolehkan pelaksanaan PdP yang berpusatkan murid dari segenap aspek secara maksima (Hase & Kenyon, 2000). Oleh yang demikian, kajian secara empirikal seumpama ini berpotensi menyebarkan pendekatan heutagogi dalam pengajaran guru seperti mana hasrat pendidikan negara untuk melahirkan warganegara yang berkualiti.

Metodologi

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ia dapat membantu pengkaji untuk membuat penerokaan secara mendalam (Yin, 2014). Pemilihan peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan yang bermaksud peserta yang dipilih memenuhi kriteria yang diperlukan bagi memenuhi keperluan tujuan kajian. Teknik ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang kaya dan kefahaman terhadap masalah yang dikaji (Merriam, 2009). Bagi menjamin keselamatan peserta kajian, identity sebenar peserta kajian dirahsiakan dengan penggunaan nama samara. Dalam kajian ini, pengkaji menetapkan enam kriteria pemilihan peserta kajian iaitu:

- a- Guru yang secara sukarela berminat dan bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini.
- b- Guru yang dipilih mempunyai kelayakan ikhtisas dalam Pendidikan Islam.
- c- Guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah.
- d- Guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun.
- e- Guru yang berupaya menampilkan pengajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan heutagogi.

f- Guru yang pernah menerima pengiktirafan berkaitan PdP dalam masa tiga tahun.

Pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Menurut Creswell (2013), penggunaan kaedah temu bual semi berstruktur (semi-structured interview) adalah fleksibel untuk temu bual secara mendalam dijalankan bagi mengumpul data yang subjektif. Malah, temu bual mendalam menyerupai perbualan di mana pengkaji meneroka beberapa topik umum untuk membantu peserta kajian mengungkapkan idea mereka namun dalam masa yang sama menghormati cara peserta kajian merangka respons mereka kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Sebagai kaedah pengumpulan data yang utama bagi kajian ini, penerokaan ini dijalankan untuk membuka perspektif peserta kajian bukannya dari sudut pandang pengkaji (Merriam, 2009). Triangulasi data berlaku dalam kajian ini menerusi triangulasi sumber data-data diperoleh iaitu penglibatan peserta kajian kerana data-data diperoleh daripada empat individu yang berlainan (Creswell & Miller, 2000).

Selanjutnya, data-data dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk persoalan kajian ini. Data temu bual dikategori, disubkategori dan dianalisis menggunakan pengkodan bagi menghasilkan tema (Miles & Huberman, 2002).

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

Peserta kajian	Umur	Latar belakang pendidikan	Pengalaman mengajar	Gred jawatan	Pengiktirafan
Ustazah Zakiah	43	Sarjana Muda Ilmu Wahyu & Warisan Islam (IRKH), UIAM	19 tahun	DG48	- Guru Inspirasi JPN Terengganu - Penerima Pingat Emas Pertandingan Amalan Inovasi P&P
Ustazah Hasni	36	Sarjan Muda Pendidikan Pendidikan Islam/ Bahasa Arab, UIAM	14 tahun	DG44	- Anugerah Khas SBP - Anugerah Platinum SBP
Ustaz Zaki	41	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM	18 tahun	DG48	Johan Kajian Tindakan P&P Peringkat Negeri Perak
Ustazah Salmi	41	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM	18 tahun	DG48	- Anugerah Khas Pembelajaran Kreatif Peringkat Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan - Anugerah Ikon Guru

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Adalah penting untuk guru memahami apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan heutagogi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Bagi meneliti pemahaman guru, analisis tematik kajian menunjukkan bahawa pandangan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pendekatan heutagogi terbahagi empat tema utama iaitu (a) sikap sendiri (b) pemusatan murid (c) guru sebagai pembimbing, (d) penggunaan teknologi dan (e) selari dengan tuntutan menuntut ilmu dalam Islam.

Pemahaman Guru Pendidikan Islam terhadap Pelaksanaan Pendekatan Heutagogi

Sikap sendiri

Sikap sendiri murid merujuk kepada usaha murid secara sendiri untuk menambah maklumat dalam pembelajaran mereka. Hal ini disebutkan oleh Ustaz Zaki, katanya, “Pembelajaran sendiri ini bagi saya ialah dia lebih kepada proses murid itu sendiri berusaha untuk meneroka isi pembelajaran, explore sendiri” (TB2:33-35). Usaha murid melakukan penerokaan dalam pembelajaran secara sendiri menunjukkan bahawa mereka mempunyai dorongan dalaman yang dikenali sebagai motivasi intrinsik seperti mana yang dinyatakan oleh Ryan dan Deci (2000). Dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik sering dikaitkan dengan tujuan dari diri murid itu sendiri dan minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti tersebut (Muhammad Ikmal Rezal Othman et al., 2020). Murid yang memiliki motivasi intrinsik akan meneruskan pembelajaran untuk kepuasan diri sendiri tanpa mengharapkan ganjaran untuk memahami pelajaran secara lebih mendalam (Kaviza, 2019). Oleh yang demikian, sikap sendiri seumpama ini dapat menyemarakkan pengajaran dan pembelajaran secara heutagogi dalam pendidikan.

Dapatan kajian juga menunjukkan pendekatan heutagogi yang dilaksanakan dalam pengajaran GPI telah meningkatkan rasa ingin tahu murid. Usaha murid secara sendiri dalam pembelajaran berlaku kerana wujudnya perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara dengan lebih lanjut. Ustazah Hasni menyebutkan, “Murid ni explore sendiri bukan sebab nak siapkan tugas semata-mata, tapi disebabkan oleh rasa ingin tahu dia sendiri untuk explore” (TB2:43). Daya rasa ingin tahu yang kuat dalam diri murid juga mendorong mereka untuk meneroka perkara baharu meskipun tidak termasuk dalam tugas sekolah. Dalam masa yang sama, Ustazah Hasni juga mengakui bahawa sikap ingin tahu murid dapat dilihat apabila mencari maklumat tambahan bagi memperkaya pengetahuan selain daripada merujuk buku teks (TB2:46-47). Sifat ingin tahu dalam diri murid juga membolehkan pembentukan motivasi dalaman diri murid menerusi proses pembelajaran (Harter, 1981). Maka, motivasi dalaman yang tinggi akan mampu meningkatkan keinginan untuk belajar sebagai persediaan menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21 (Joko, 2020).

Pemusatan Terhadap Murid

Tema seterusnya bagi soalan kajian ialah pemusatan terhadap murid. Dalam tema guru sebagai pemusatan terhadap murid, terdapat dua subtema iaitu pemberian tugas oleh guru kepada murid dan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Berdasarkan pengalaman peserta kajian, murid mampu menjalankan tugas dengan baik apabila mereka diberikan peranan oleh guru (UstazZaki/TB:101-104; UstazahSalmi/ TB2:273). Inisiatif yang dilakukan guru Pendidikan Islam dilihat dapat menarik minat murid melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Bagi Ustazah Zakiah, guru perlu memulakan terlebih dahulu dengan memberi tugas kepada murid agar mereka dapat memperuntukan masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (TB1:128-129). Situasi ini menunjukkan bahawa peserta kajian sudah pun mengamalkan pendekatan heutagogi dengan membuka peluang kepada murid untuk melibatkan diri. Hal ini

senada dengan pandangan Stoten (2020) yang menyarankan guru memberi peluang kepada murid untuk mengurus pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian individu secara heutagogi. Di samping itu, guru juga dapat memupuk nilai kepimpinan ke dalam diri murid dengan rasa tanggungjawab terhadap tugas yang di amanahkan. Sokongan yang berterusan tanpa ancaman dalam persekitaran pembelajaran akan menggalakkan murid untuk menggalas tanggungjawab dalam mengurus pembelajaran (Hase & Kenyon, 2000).

Seterusnya, pembelajaran berpusatkan murid berjaya apabila aktiviti yang dijalankan berupaya menggalakkan penglibatan murid secara maksimum. Peserta kajian menyatakan bahawa murid mengambil bahagian dalam setiap aktiviti dengan bersungguh-sungguh (UstazahHasni/TB1:41-42; (Ustazah Salmi/TB2/121). Namun begitu, Ustazah Salmi tidak bersetuju jika guru hanya mengulang atau menggunakan aktiviti-aktiviti tertentu ketika mengajar (TB2:122-123). Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran semata-mata belum tentu dapat menghasilkan pengajaran yang berkualiti disebabkan oleh faktor-faktor seperti sifat asas mata pelajaran, keupayaan guru, kedudukan murid, alat bantu mengajar akan menentukan kaedah yang manakah dapat mencapai hasil yang lebih baik (Shamsul Rizal Khalil et al, 2019). Justeru itu, guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran agar memenuhi keperluan murid secara holistic (Halida Jawan & Zamri Mahamod, 2021). Lebih-lebih lagi, murid tersedia dengan pelbagai aspek perbezaanyang unik seperti sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat, bangsa, budaya (Suppiah Nachiappan et al., 2008) termasuklah pencapaian akademik, jantina dan lain-lain lagi (Ragbir Kaur Joginder Singh, 2005).

Dalam masa yang sama, guru juga hendaklah mengurangkan kawalan dengan memberi kebebasan kepada murid dalam aktiviti pembelajaran mereka (UstazahZakiah/TB367-368). Kebebasan dalam pendekatan heutagogi bertujuan memberi ruang kepada murid menentukan hala tuju pembelajaran mereka. Ustazah Salmi berpengalaman memberi murid merancang pembelajaran mereka sendiri dengan cara menentukan objektif pembelajaran, aktiviti penilaian (TB1:58-63). Perkara ini bertepatan dengan proses pendekatan heutagogi yang menentengahkan autonomi murid. Dengan cara ini, murid juga akan lebih bersedia untuk menghadapi pembelajaran kerana mereka terlibat sama dalam perancangan pembelajaran tersebut. Pengajaran dengan mengamalkan pendekatan heutagogi berupaya memberi kebebasan kepada murid untuk menentukan kandungan, aktiviti dan bahan pembelajaran mereka sendiri lebih-lebih lagi disokong dengan kemudahan teknologi (Sumarsono, 2020).

Guru Sebagai Pembimbing

Tema guru sebagai pembimbing ini merujuk kepada peranan guru dalam membantu murid membina kefahaman dan kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Peserta kajian mempunyai pemahaman yang jelas terhadap peranan guru untuk membimbing murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, adalah lebih sekiranya guru menyediakan garis panduan tertentu supaya penerokaan murid berada dalam ruang lingkup dan batasan yang betul (Ustazah Hasni/TB2:48-50). Murid yang mampu membuat penerokaan sendiri tanpa perlu menunggu arahan daripada guru merupakan indikator bahawa murid tersebut mengalami pembelajaran sendiri. Meskipun begitu, bimbingan mestilah diberikan secara berterusan kerana ilmu dan pengalaman yang mereka miliki masih terhad (Ustazah Zakiah/TB1:33-35). Peranan sebagai pemudah cara, pakar rujuk, penilai dan fasilitator membolehkan guru mencipta sesuatu yang baru dalam personaliti murid dengan pelbagai cara dengan mengurangkan kebergantungan murid kepada guru (Batjo & Abdul Said Ambotang, 2019).

Meskipun pendekatan heutagogi mendorong murid untuk membuat penerokaan secara sendiri, guru seharusnya menyelia aktiviti pembelajaran tanpa melepaskan kawalan sepenuhnya kepada murid (Ustaz Zaki/TB1:35-37). Hal ini demikian kerana penyerahan pengurusan aktiviti sepenuhnya kepada murid tanpa penyeliaan akan mengakibatkan penerokaan yang berlaku tiada hala tuju. Namun, guru Pendidikan Islam juga perlu mengambil kira mengenai gaya belajar generasi murid masa kini yang menyukai gerak kerja dan keputusan yang cepat. Malah, hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail (2015) yang menyatakan nilai Generasi Z antaranya ialah golongan yang sangat tidak sabar kerana mereka mahukan hasil yang segera.

Penggunaan Teknologi

Tema penggunaan teknologi merujuk kepada penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Penutupan institusi pendidikan termasuk sekolah bagi membendung penularan wabak Covid-19 telah mengubah corak penyampaian pendidikan. Perubahan kaedah pengajaran daripada secara bersemuka kepada dalam talian merupakan salah satu daripada cara yang boleh diambil untuk membuat penjarakkan sosial. Berdasarkan temu bual, peserta kajian menjelaskan bahawa penggunaan teknologi merupakan salah satu alternatif yang menyokong pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR). Ini jelas dilihat melalui kata-kata Ustazah Zakiah, “Sekarang ni, guru dan murid tak boleh pergi sekolah, kita perlu buat PdPR mengajar dan belajar dari rumah. Kita boleh mengajar pakai handphone lah sebab kebanyakan murid ada telefon, mak ayah dia ada telefon. Dapatlah guru-guru sampaikan ilmu itu” (TB2:77-79). Selain itu, kewujudan pelbagai peranti mudah alih (*mobile devices*) membolehkan revolusi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan antara guru dan murid. Ustaz Zaki menerangkan, “Kalau dahulu, internet hanya boleh dapat jika ada *laptop* atau PC (personal computer) di rumah sahaja atau paling tidak kena pergi ke *cybercafe*. Tetapi, sekarang lebih maju, hanya perlukan smart phone dan simkad, eh..dah boleh access dengan internet. Tak perlu lagi peranti besar-besar macam kita dulu” (TB3: 220-222). Dapatan kajian bagi pemahaman guru berkaitan pendekatan heutagogi dalam pengajaran juga memperlihatkan penggunaan teknologi sebagai mempromosikan pembelajaran sendiri. Penggabungan prinsip heutagogi dan teknologi membolehkan pendekatan ini menyediakan ruang untuk guru mereka bentuk dan membangunkan persekitaran berpusatkan murid yang berpotensi untuk melengkapkan yang diperlukan untuk pembelajaran sepanjang hayat (Blaschke, 2016).

Tidak dinafikan, teknologi membuka peluang yang besar kepada murid untuk meneroka pelbagai sumber pelajaran. Bahkan, murid juga tidak hanya bergantung kepada guru atau buku teks semata-mata tetapi mempunyai pelbagai pilihan yang dapat diterokai (Sern et al., 2017). Teknologi membolehkan murid mengalami pembelajaran yang lebih interaktif. Murid akan terdorong untuk melibatkan diri dalam PdP. Malah, murid dilihat boleh membuat pembentangan secara berkumpulan menggunakan perisian seperti Google Slide, Microsoft Power Point dan video. Malah, murid berupaya menghasilkan dan menyampaikan pembentangan dengan informasi dan infografik yang menarik. Persekitaran pengajaran dan pembelajaran heutagogi akan dapat dibentuk kerana menerapkan elemen seperti mencipta, berhubung, kolaboratif, meneroka dan refleksi (Blaschke, 2016). Aktiviti pembelajaran yang menerapkan elemen heutagogi dapat dilihat seperti mencipta bahan pelajaran, kolaborasi dan hubungan dalam kumpulan, perkongsian bahan bersama ahli kumpulan lain serta membuat refleksi terhadap hasil kerja sendiri dan orang lain.

Selari dengan Tuntutan Agama

Tema selari dengan tuntutan agama pula merujuk kepada pengamalan ilmu dalam kehidupan. Berhubung dengan pengamalan ilmu dalam kehidupan, peserta kajian menyatakan bahawa pengajaran Pendidikan Islam bukan sekadar mengajar pemahaman terhadap teori tetapi berkait rapat dengan amalan dalam kehidupan. Malah, makna pengajaran Pendidikan Islam yang bernilai apabila murid dapat menghayati apa yang telah dipelajari (Ustazah Hasni/TB1:18-21). Sebagaimana pernyataan Ustazah Hasni, “Selepas kita mengajar, mereka perlu buat dan amalkan untuk diri mereka sendiri juga. Sekarang penekanan kepada amalan murid tu memang sangat perlu. Dulu-dulu, kita tak tahu penguasaan murid terhadap bacaan al-Quran, tetapi sekarang murid perlu tahu” (TB1:34-35). Ustaz Zaki juga mengemukakan pandangan yang sama bahawa penguasaan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam bukan semata-mata secara teori tetapi perlu dilihat kepada perubahan tingkah laku secara holistik (TB3: 300-302).

Menurut Ustazah Zakiah, pengajaran guru Pendidikan Islam mestilah dimulakan dengan menarik minat murid untuk belajar dan diikuti dengan memberi murid melakukan sendiri amalan tersebut. Ustazah Zakiah menekankan kepentingan murid untuk merasai pengalaman sebagai cara menghayati ilmu tersebut sebagaimana dalam petikan: *Dalam Pendidikan Islam memang bila kita mengajar, memang perlu sampai ke hati agar mereka minat nak belajar. Sebelum nak sampai dalam hati tu, kena buat dulu, kena ada pengalaman. Pendidikan Islam bukan sekadar apa yang ada dalam buku teks. Kita bukan ilmu semata-mata tetapi kita perlu amalkan dalam kehidupan sehari. Sendiri juga kena buat* (TB1:28-33).

Heutagogi selaras dengan konsep mencari ilmu (*thalab al-'ilm*) dalam Pendidikan Islam sebagai pembelajaran sendiri untuk murid memperoleh ilmu pengetahuan dan sahsiah (Syafri, Maya & Primarni (2021). Hal ini memang sejajar dengan tujuan heutagogi untuk membantu guru menyediakan murid yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat (Blaschke, 2012). Islam amat menganjurkan agar ilmu yang diperolehi dapat diamalkan sebagai salah satu cara beribadah kepada Allah (Siti Samihah Mohd Yusoff et al, 2020). Dengan cara ini, ilmu yang diamalkan akan mudah difahami untuk dihayati dalam kehidupan seharian. Meskipun, pembelajaran dimulakan memberi maklumat secara teori, murid perlu dibimbing untuk memahami dengan sebaik mungkin sebelum mereka dapat menghayati dengan sepenuhnya. Oleh sebab itu, pendekatan heutagogi mementingkan murid mengalami sendiri pembelajaran melalui pengalaman (Hase & Kenyon, 2000). Ibnu Khaldun juga menjelaskan pengajaran ialah satu proses untuk mendapatkan ilmu sepanjang kehidupan secara holistik melalui interaksi langsung dan pergaulan seharian (Ibnu Khaldun, 2002). Hal ini kerana proses pendidikan melalui pemerhatian dan pengalaman dapat membentuk kemandirian dan kesediaan menghadapi dunia sebenar (Manaf, 2020).

Ringkasnya, dapatan kajian dapat difahami melalui rajah berikut:



Rajah 1: Pemahaman GPI terhadap Pendekatan Heutagogi dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Kesimpulan

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan heutagogi, guru hendaklah terlebih dahulu memahami dan menghayati falsafah dan matlamat kurikulum, struktur dan organisasi kurikulum dan sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan kepada dapatan kajian, guru Pendidikan Islam berupaya memahami pendekatan heutagogi sebagai kaedah pembelajaran sendiri yang berpusatkan murid. Hal ini dapat diteliti dengan sikap sendiri murid yang mempunyai motivasi dalam yang kuat. Selain itu, pemberian tugas oleh guru telah meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Seterusnya, peranan guru sebagai pemudah cara yang membimbing murid secara berterusan bagi memastikan proses pembelajaran terkawal dalam hala tuju yang bermatlamat. Penggunaan teknologi pula memudahkan aktiviti pembelajaran sendiri kerana menyajikan keupayaan untuk mendapat bahan daripada pelbagai sumber dengan mudah. Malah, pendekatan heutagogi juga selari dengan tuntutan dalam Islam yang berkisarkan tentang inisiatif pendidikan yang bermula dari murid itu sendiri yang menjadikan proses belajar berlaku sepanjang hayat. Kajian ini sememangnya signifikan kerana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dialami oleh murid bergantung kepada kemahiran pengajaran guru itu sendiri. Bertitik tolak daripada kajian ini, guru khususnya perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka agar dapat mempelbagaikan strategi pengajaran. Dengan itu, GPI khususnya haruslah berfikiran terbuka dan berusaha mempertingkatkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran pengajaran seiring dengan perkembangan semasa.

Penghargaan

Penghargaan kepada penaja Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.BPP.700-30/20/110)

Rujukan

Akyildiz, S. T. (2019). Do 21st Century Teachers Know about Heutagogy or Do They Still Adhere to Traditional Pedagogy and Andragogy? *International Journal of Progressive Education*, 15(6), 151-169.

- Bahagian Pendidikan Kurikulum. (2017). Kurikulum standard sekolah menengah (KSSM) kerangka kurikulum mata pelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Batjo, N. B. & Abdul Said Ambotang. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30-42.
- Blaschke, L. M. & Hase, S. (2019). Heutagogy and digital media networks. *Pacific Journal of Technology Enhanced Learning*, 1(1), 1-14.
- Blaschke, L. M. (2016). Strategies for implementing self-determined learning (heutagogy) within education: A comparison of three institutions (Australia, South Africa, and Israel) [Master' Thesis, Carl von Ossietzky Universität Oldenburg]. https://www.researchgate.net/publication/312916350_Strategies_for_Implementing_Self-Determined_Learning_Heutagogy_within_Education_A_Comparison_of_Three_Institutions_Australia_South_Africa_and_Israel
- Blaschke, L. M. (2012). Heutagogy and lifelong learning: A review of heutagogical practice and self-determined learning [Review]. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 13(1), 56- 71.
- Blaschke, L. M. (2014). Using social media to engage and develop the online learner in self-determined learning. *Research in Learning Technology*, 22
- Chan, C. G., Mohamad Amin Embi & Harwati Hashim . (2019). Primary School Teachers' Readiness Towards Heutagogy and Peeragogy. *Asian Education Studies*, 4(1), 11-11. <https://doi.org/10.20849/aes.v4i1.602>
- Coomey, M. & Stephenson, John. (2018). Online learning: it is all about dialogue, involvement, support and control. In book: *Teaching & Learning Online* (pp.37-52)
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry: Choosing among five approaches*. Los Angeles, CA, 244.
- Creswell, J. W. & Miller, D. L. (2000). Determining validity in qualitative inquiry. *Theory into practice*, 39(3), 124-130.
- Fisk, P. (2017). Education 4.0: The future of learning Retrieved from: <https://www.thegeniusworks.com/2017/01/future-education-young-everyone-taught-together>
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah Dan Cabaran Pengajaran Terbeza Dalam Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Hase, S. & Kenyon, C. (2000). From andragogy to heutagogy. *Ulti-BASE In-Site*.
- Ibnu Khaldun. (2002). Mukadimah Ibn Khaldun. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levy-Feldman, I. (2018). The good teacher for the twenty-first century: a “mentoring teacher” with heutagogical skills. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 7(2), 177-190. <https://doi.org/10.1108/IJMCE-10-2017-0067>
- Manaf, A. (2020). Pemikiran Ibnu Khaldun tentang pendidikan dan relevansinya dengan pendidikan dunia. *As-Salam: Jurnal Studi Hukum Islam & Pendidikan*, 9(1), 1-16.
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research: a guide to design and implementation*. 2nd Jossey-Bass. San Francisco.

- Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesiediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih sejarah IPG zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 32-42.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, & Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTHM. In *In book: Kajian Kes Di Malaysia* (pp. 45-52). Penerbit UTHM.
- Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan & Ahmad Marzuki Mohamad. (2019). Learning and facilitation (PdPc) Islamic Education in Industrial Revolution 4.0. *Journal of Research in Psychology*, 1(3), 13-17.
- Moore, R. L. (2020). Developing lifelong learning with heutagogy: contexts, critiques, and challenges. *Distance Education*, 41(3), 381-401.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Huberman, M. & Miles, M. B. (2002). *The qualitative researcher's companion*. Sage.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000a). Self-Determination Theory and the Facilitation of Intrinsic Motivation, Social Development, and Well-Being. *American Psychologist* 55(1): 68-78.
- Kaviza, M. (2019). Kecenderungan gaya pembelajaran murid dalam mata pelajaran Sejarah: Satu kajian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(1), 82-90.
- Harter, S. (1981). A New Self-Report Scale of Intrinsic Versus Extrinsic Orientation in the Classroom: Motivational and Informational Components. *Developmental Psychology* 17(3): 300-312.
- Joko Krismanto Harianja. (2020). Mengembangkan Sikap Rasa Ingin Tahu (Curiosity) Siswa pada Pelajaran Fisika Menggunakan Model Pembelajaran Flipped Classroom. *Jurnal Pendidikan Fisika dan Teknologi (JPFT)* Volume 6 No. 1
- Preece, A. S. & Hamed, P. K. (2020). Andra-heutagogy: A new approach for teacher training. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 98-105. Retrieved from : myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/8488
- Ragbir Kaur Joginder Singh. (2005). *Panduan ulangkaji ilmu pendidikan untuk Kursus Perguruan lepasan Ijazah (KPLI) sekolah rendah dan menengah*. Kumpulan Budiman.
- L. C. Sern, Normawati Kamarudin, Rashidah Lip and Noridah Hasnan. (2017). Tahap penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru reka bentuk teknologi: Satu tinjauan di sekolah rendah luar bandar. *Online Journal for TVET Practitioners*. Vol. 2 Issue 2
- Stoten, D. W. (2020). Practical Heutagogy: Promoting Personalized Learning in Management Education. *Adult Learning*
- Shamsul Rizal Khalil, Abdul Rahim Razalli & Mohd Zailani Ismail. (2019). Tahap komposisi amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam program pendidikan khas integrasi (ppki): Satu tinjauan awal. *Jurnal IPDA* Bil 26.
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail. (2015). Generasi Z: Tenaga Kerja Baru dan Cabarannya. *Artikel Psikologi*.
- Siti Samihah Mohd Yusoffi, Noornajihan Ja'afarii , Muhammad Hafiz Salehiii & Ismail Abdullahi. (2020) Pelaksanaan amalan ibadah bagi masyarakat islam semasa menghadapi pandemik covid-19 E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Azizi Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan* Oxford Fajar.

- Sumarsono, S. (2020). The paradigms of heutagogy and cybergogy in the transdisciplinary perspective. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran*, 52(3), 172-182.
- Syafri, U. A., Maya, R. & Primarni, A. (2021). Implikasi konsep heutagogi dalam pendidikan Islam kontemporer. 2021, 10(1), 12. <https://doi.org/10.32832/tadibuna.v10i1.4249>
- Wan Mariana Wan Mohamad & Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Pembelajaran Abad ke-21 dalam Al-Quran: Satu Manual Pendidikan Istimewa daripada Allah. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*, 2 (1).
- Wong, K. T., Mohd Azli Yeop & Mazura@Mastura Muhammad. (2019). Modelling the factor influencing the implementation of mobile-heutagogical practices among teachers: An application of invariance multi-group structural model. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*. <https://doi.org/10.26803/ijlter.18.12.1>
- Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods (applied social research methods)*. Sage publications Thousand Oaks, CA.